



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI PENCEGAHAN LEMAS SEDUNIA PERINGKAT KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2023

1. YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah merasmikan sambutan **Hari Pencegahan Lemas Sedunia Peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Tahun 2023** bertempat di **Kelantan Golf and Country Club, Kota Baharu** hari ini.
2. Hari Pencegahan Lemas Sedunia merupakan **kempen advokasi** menerusi **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)** yang disambut **setiap tahun** pada **25 Julai** dengan tujuan untuk **memberikan kesedaran mengenai risiko lemas dan perkongsian kaedah bagi mencegahnya**.
3. Antara pengisian yang diadakan bersempena sambutan ini adalah perkongsian maklumat dan pengalaman oleh rakan strategik KBS, **Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MCAA)** dan **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)**.
4. Objektif pelaksanaan sambutan **Hari Pencegahan Lemas Sedunia** adalah seperti berikut:
 - 4.1 Memupuk **kesedaran kepada masyarakat** mengenai risiko lemas di air terutamanya dalam kalangan kanak-kanak;
 - 4.2 Memberikan **pengetahuan dan maklumat** berkaitan teknik asas berenang sebagai langkah pencegahan lemas; dan
 - 4.3 Menyampaikan **mesej kesedaran keselamatan di air** dan teknik asas penyelamatan.

5. Selain itu, YB Adam Adli turut meninjau pelaksanaan program **Kemahiran Latihan Asas Sukan: Renang (KLAS Renang) Peringkat Negeri Kelantan** yang berlangsung di lokasi yang sama. KLAS Renang dilaksanakan dengan tujuan **mendedahkan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah dengan teknik asas berenang** seterusnya **mengurangkan risiko lemas**.
6. KLAS Renang merupakan inisiatif **KBS** menerusi **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** dengan sokongan **Persatuan Perenang dan Jurulatih Renang Malaysia (MASWIM)** yang mana telah dilancarkan oleh **Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh** pada **13 Mei 2023**. Selain itu, program ini turut disokong oleh rakan strategik iaitu syarikat **Allianz Malaysia Berhad** dan **Nestle Products Sdn. Bhd.**
7. KLAS Renang ini menyasarkan penyertaan kanak-kanak dalam kalangan keluarga dari kumpulan B40 yang mana merupakan satu lagi program KBS di dalam usaha **merakytakan budaya bersukan** di peringkat **akar umbi**.
8. **KLAS Renang sedang dilaksanakan di beberapa lokasi di negeri Kelantan bermula 14 Julai 2023** seperti berikut:

BIL	JAJAHAN	LOKASI
1.	Kota Bharu	Kelantan Golf and Country Club
2.	Tanah Merah	Seloka Impiana
3.	Bachok	Permai Beach Resort

9. Turut hadir, Ketua Pengarah JBSN Tuan Mohd Azhari Mohammad dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Encik Mohd Saipuddin Zakaria.
10. Untuk pertanyaan lanjut mengenai KELAS Renang ini, boleh hubungi Jabatana Belia dan Sukan Negeri Kelantan ditalian 09-7661200 atau e-mel ke jbsnkelantan@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

28 Julai 2023